

Penularan COVID-19

Universiti buat kuliah dalam talian

Tangguh sebarang acara istiadat konvokesyen, aktiviti praktikal

Oleh Suzalina Halid,
Baharom Bakar, Melvin Joni
dan Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Universiti awam (UA) di seluruh negara sudah mengaktifkan pembelajaran kelas secara dalam talian dalam usaha membendung penularan wabak coronavirus COVID-19.

UA juga menangguhkan sebarang acara termasuk istiadat konvokesyen, selain aktiviti praktikal dan luar kelas sebagai langkah berjaga-jaga.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaya (UM), Prof Dr Kamila Ghazali, berkata pihak universiti sudah mengambil langkah mengaktifkan mod e-pembelajaran menggunakan sistem SPeCTRUM serta aplikasi dalam talian lain bagi pengendalian aktiviti itu.

Beliau berkata, sejak penularan COVID-19, semua penuntut UM sudah dimaklumkan supaya mematuhi garis panduan jika diperlukan ke luar negara, selain mesyuarat bersama rakan kolaborasi pada peringkat antarabangsa turut dikendalikan melalui sidang video dan aplikasi Skype.

“Semua aktiviti jalinan masyarakat dan di luar kampus diarah untuk diganti dengan kaedah penyampaian alternatif tanpa menjelaskan hasil pembelajaran kursus yang dirancang.

“Sekiranya ada keperluan dan berdasarkan nasihat diberikan Bahagian Keselamatan dan Kesehatan dan Alam Sekitar (OSHE) UM, barulah kerja pembersihan akan dilakukan,” katanya kepada BH di sini, semalam.

Sementara itu, Timbalan Naib

Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr M Iqbal Saripan, berkata pelaksanaan kelas dalam talian diaktifkan bermula semalam hingga Ahad depan dengan penuntut dibenarkan mengikuti pembelajaran dari kampung masing-masing.

“UPM juga menangguhkan aktiviti pengajuran yang mempunyai bilangan pengunjung besar seperti pameran pendidikan asasi, majlis angkat sumpah pelajar pasca siswazah dan syarahan inagural, kelas kokurikulum, lawatan, aktiviti akademi luar kelas dan mobiliti penuntut,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Pengarah Pusat Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Azman Abas, berkata kelas dalam talian sudah diaktifkan melalui pekeliling awal persediaan. pensyarah terhadap kebarangkalian amalan itu, 12 Februari lalu.

Beliau berkata, hingga kini ramai pensyarah sudah menjalankan inisiatif itu melalui platform UKMfolio, iaitu pangkalan data lengkap untuk mengaktifkan modul e-pembelajaran.

“Kita tidak melaksanakan penangguhan kelas, sebaliknya menggalakkan pensyarah mengmalkan kelas dalam talian.

“Malah untuk periksaan Jun nanti, ada kemungkinan dilaksanakan secara dalam talian bergantung kepada perkembangan wabak ini.

Kita masih membenarkan perbincangan kecil membabitkan golongan pascasiswazah secara fizikal tetapi dibekalkan sekali cecair pembasmi kuman dan topeng,” katanya.

Beliau berkata, UKM juga menghentikan perjalanan ke luar negara kecuali membabitkan isu kritikal tetapi ia memerlukan kelulusan Naib Canselor universiti.

Sementara itu, di Kuala Nerus: Proses pembelajaran di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ditukarkan kepada dalam talian atau e-pembelajaran, membabitkan semua pelajar sarjana muda mulai hari ini.



• Semua aktiviti jalinan masyarakat dan di luar kampus diarah untuk diganti dengan kaedah penyampaian alternatif tanpa menjelaskan hasil pembelajaran kursus yang dirancang.

Prof Dr Kamila Ghazali,
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan
Antarabangsa),
Universiti Malaya



• Pensyarah akan memaksimum penggunaan platform dalam talian e-pembelajaran dan menggunakan kaedah zoom, iaitu sistem disediakan Pusat Pengurusan Pengetahuan dan Teknologi Komunikasi.

Dr Noor Azuan Abu Osman,
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Terengganu

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT, Profesor Ir Dr Noor Azuan Abu Osman, berkata langkah itu susulan pengajaran secara bersemuka ditangguhkan selama empat hari mulai hari ini.

Noor Azuan berkata, aktiviti pembelajaran dan pengajaran dalam makmal atau projek kumpulan kecil diteruskan seperti biasa tanpa mengabaikan langkah kesihatan seperti disarankan Pusat Kesihatan Universiti (PKU).

Beliau berkata, Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) juga akan beroperasi seperti biasa.

Jelasnya, pensyarah akan memaksimumkan penggunaan platform dalam talian e-pembelajaran dan menggunakan kaedah zoom, iaitu sistem disediakan Pusat Pe-

ngurusan Pengetahuan dan Teknologi Komunikasi (PPPTK).

Di Kuching, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menjalankan sesi kuliah secara dalam talian.

Rektor UiTM Cawangan Sarawak, Prof Datuk Dr Jamil Hamali berkata, semua pelajar tidak perlu hadir kuliah dan mereka hanya perlu mengikuti pembelajaran secara dalam talian bersama pensyarah masing-masing.

Jamil berkata, UiTM Cawangan Sarawak juga membatalkan sesi pengambilan pelajar yang dijadual pada Jumaat, Sabtu dan hari ini.

Malah katanya, universiti itu turut menangguhkan istiadat konvokesyen ke-92 berkuat kuasa serta-merta hingga tarikh yang

akan dimaklumkan kelak.

Di Kangar, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menukar proses pembelajaran kepada secara dalam talian membabitkan semua penuntut lepasan ijazah dan ijazah sarjana muda mulai hari ini hingga 5 April ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP, Prof Dr Mohd Rizal Arshad, berkata bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19, pelajar dilarang pulang ke kampung halaman masing-masing dan kekal berada di kawasan kampus (termasuk kolej kediaman) sepanjang tempoh itu.

Katanya, jika terdapat keperluan untuk meninggalkan kawasan kampus dan kolej kediaman sepanjang tempoh itu, pelajar diminta memaklumkan serta mendapatkan kebenaran dekan pusat pengajian masing-masing.

Mohd Rizal berkata, cuti pertengahan semester kedua yang sepatutnya pada 30 Mac hingga 6 April akan dianjak ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Beliau berkata, Peperiksaan Akhir Semester 2 Sidang Akademik 2019/2020 bagi pelajar diploma, yang sepatutnya diadakan pada 24 Mac hingga 12 April, ditangguh kepada 6 April hingga 26 April.

Di Kuantan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menangguhkan majlis perasmian Pusat Asasi UIAM Gambang disini yang sepatutnya diadakan Rabu ini.

Acara lain turut ditangguhkan ialah program menamakan semula hospital UIAM kampus Kuantan di Indera Mahkota.

Pengarah UIAM Kampus Kuantan, Prof Dr Kamaruzzaman Yusnus, berkata pihaknya turut menangguhkan beberapa program lain seperti Larian Kampung Ku, kelmarin.

“Acara lain yang ditangguhkan kongres antarabangsa yang disertai peserta dalam dan luar yang akan diadakan bulan ini, beberapa program peringkat universiti juga turut terpaksa ditangguhkan pada tarikh akan ditetapkan semula,” katanya.